

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**  
**TARIKH : 19 MAC 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kesalahan melanggar kamera perangkap had laju di seluruh negara dan adakah pihak Kementerian bercadang menaikkan had laju kepada 120 KM/J.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, sebanyak 556,055 notis telah dikeluarkan bagi kesalahan melebihi had laju melibatkan Kamera-Kamera Perangkap Had Laju (AwAS) di seluruh negara. Sebagai makluman tambahan Yang Berhormat, lokasi yang telah merekodkan ramai pemandu melebihi had laju adalah di KM382.8 Lebuhraya PLUS – Behrang, Perak (Arah Selatan) iaitu 98,911 notis telah dikeluarkan di antara bulan Jun hingga Disember 2023.

2. Berhubung dengan had laju, buat masa ini, Kementerian Pengangkutan dan pihak Kerajaan secara amnya, belum bercadang untuk meningkatkan had laju dan masih ditetapkan kekal 110KM/J.

3. Untuk makluman, bidang kuasa untuk menetapkan had laju ini bukannya di bawah Kementerian Pengangkutan, tetapi ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 6**